

# PRINSIP PELABURAN BERTANGGUNGJAWAB

Inisiatif pelabur perkongsian antara Inisiatif Kewangan UNEP dan Persefahaman Sejagat PBB

“PRI bekerjasama dengan penandatangan rangkaian antarabangsa untuk melaksanakan enam Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab. Matlamatnya adalah untuk memahami implikasi pelaburan ke atas isu berkaitan dengan alam sekitar, sosial dan urus tadbir, serta menyokong penandatangan dalam menyepadukan isu ini dalam keputusan pelaburan dan pemilikan.”



# UTUSAN DARIPADA SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU

Kelestarian adalah suatu imperatif global. Ini adalah keutamaan saya sebagai Setiausaha Agung dan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu percaya bahawa para pelabur merupakan rakan kongsi yang mustahak dalam usaha untuk mencapai matlamat ini.

Sebelum ini, implikasi isu kelestarian bagi para pelabur dan pasaran kewangan kurang difahami dan sangat diabaikan, Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) yang disokong oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu telah membantu membetulkan kesilapan ini menerusi penekanan kerelevan kewangan dengan isu alam sekitar, sosial dan pentadbiran (ESG) serta menyediakan rangka kerja untuk memudahkan komuniti pelaburan global untuk memberi sumbangan kepada pembangunan sistem kewangan yang lebih stabil dan lestari.

Bilangan institusi pelabur yang kian meningkat – dari seluruh rantau dunia – giat menggabungkan faktor-faktor ESG ke dalam pembuatan keputusan pelaburan dan amalan pemilikan mereka untuk mengurangkan risiko, mempertingkatkan pulangan kewangan dan memenuhi jangkaan beneficiari dan pelanggan mereka. Secara langsung mereka juga mempengaruhi syarikat, pembuat dasar dan peserta pasaran yang lain untuk meningkatkan prestasi mereka dalam bidang ini. Ini mendatangkan manfaat kepada alam sekitar dan masyarakat secara menyeluruh.

Prinsip ini melengkapkan Persefahaman Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang meminta syarikat-syarikat untuk mananamkan satu set prinsip sejagat dalam bidang hak asasi manusia, piawaian buruh, alam sekitar dan anti-rasuah dalam strategi dan operasi mereka. Ini juga merupakan suatu lanjutan daripada usaha Inisiatif Kewangan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang telah membantu menyedarkan pasaran modal akan kepentingan isu alam sekitar dan sosial. Inisiatif ini membantu kami untuk mencapai masa hadapan yang kami mengimpikan bersama.

Saya memuji kepimpinan institusi-institusi yang nekad untuk menjadi penandatangan Prinsip ini. Kini mereka perlu melaksanakannya. Ini adalah tanggungjawab dan peluang mereka. Saya menggesa pelabur-pelabur lain di seluruh dunia untuk menyertai usaha penting ini.



**Ban Ki-moon**  
Setiausaha Agung PBB

# MEMPERKENALKAN PRINSIP PELABURAN BERTANGGUNGJAWAB

## MENGENAI PRI DAN ENAM PRINSIP

PRI bekerjasama dengan rangkaian antarabangsa penandatangannya untuk melaksanakan enam Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab. Matlamatnya adalah untuk memahami implikasi pelaburan ke atas isu alam sekitar, sosial dan pentadbiran dan menyokong penandatangan dalam mengintegrasikan isu-isu tersebut dengan keputusan pelaburan dan pemilikan.

Enam Prinsip ini dibentukkan oleh pelabur dan disokong oleh PBB. Terdapat lebih daripada 1,400 penandatangan dari lebih 50 buah negara yang mewakili aset berjumlah AS\$59 trilion.

## MISI PRI

### KEPERCAYAAN DAN MTLAMAT KAMI

Kami percaya bahawa sistem kewangan global yang lestari, serba dan cekap dari segi ekonomi adalah satu kemestian untuk mencipta nilai berjangka panjang. Sistem seperti ini akan memberi ganjaran kepada pelaburan jangka panjang yang bertanggungjawab dan memanfaatkan alam sekitar dan masyarakat secara keseluruhan.

PRI akan berusaha untuk mencapai sistem kewangan global yang mapan ini menerusi penggalakkan penggunaan Prinsip dan kegiatan kerjasama dalam pelaksanaannya; dengan memupuk pentadbiran yang baik, integriti dan kebertanggungjawaban; dan menangani halangan terhadap sistem kewangan lestari yang wujud dalam amalan pasaran, struktur dan peraturan.

## ENAM PRINSIP

### KOMITMEN PENANDATANGAN

Sebagai pelabur institusi, kami bertanggungjawab untuk bertindak demi kepentingan jangka panjang benefisiari kami. Dalam peranan fidusiari ini, kami percaya bahawa isu alam sekitar, sosial dan pentadbiran korporat (ESG) boleh menjelaskan prestasi portfolio pelaburan (untuk pelbagai peringkat di seluruh syarikat, sektor, rantau, kelas aset dan peredaran masa). Kami juga menyedari bahawa penerapan Prinsip mungkin dapat menyelaraskan pelabur dengan objektif lebih luas masyarakat.

Oleh itu, sekiranya selaras dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan, kami berkomitmen terhadap yang berikut:

- 1 Kami akan menyerapkan isu ESG ke dalam analisis pelaburan dan proses membuat keputusan.**
- 2 Kami akan menjadi pemilik aktif dan menggabungkan isu ESG dengan dasar pemilikan dan amalan kami.**
- 3 Kami akan mendapatkan pendedahan yang sewajarnya mengenai isu ESG daripada entiti di mana kami melabur.**
- 4 Kami akan menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan Prinsip dalam industri pelaburan.**
- 5 Kami akan bekerjasama untuk mempertingkatkan keberkesanannya kami dalam pelaksanaan Prinsip tersebut**
- 6 Setiap orang daripada kami akan memberi laporan tentang aktiviti dan kemajuan kami dalam pelaksanaan Prinsip tersebut.**


Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab ini dibangunkan oleh sebuah kumpulan antarabangsa pelabur institusi yang mencerminkan isu alam sekitar, sosial dan pentadbiran korporat yang kian relevan dalam amalan pelaburan. Proses ini telah disidangkan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dalam menandatangi Prinsip ini, kami sebagai pelabur berkomitmen secara awam untuk menerima dan melaksanakannya, jika selaras dengan tanggungjawab fidusiari kami. Kami juga berkomitmen untuk menilai keberkesanannya dan memperbaiki kandungan Prinsip ini sepanjang masa. Kami percaya bahawa ini akan meningkatkan keupayaan kami untuk memenuhi komitmen terhadap penerimaan dan juga menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelaburan kami dengan kepentingan luas masyarakat.

**KAMI MENGGALAKKAN PELABUR LAIN UNTUK MENGAMALKAN PRINSIP INI.**

# PELABURAN BERTANGGUNGJAWAB: AGENDA YANG BERTIMBUN MOMENTUM

PRI telah berkembang secara konsisten sejak dimulakan pada tahun 2006:



Kecenderungan yang kian meningkat terhadap pelaburan bertanggungjawab dipacu oleh:

- Pengiktirafan bahawa isu ESG adalah penting dari segi kewangan.
- Kefahaman bahawa pergabungan isu ini adalah sebahagian daripada tugas fidusiai pelabur.
- Keprihatinan terhadap kesan jangka pendek ke atas prestasi syarikat, pulangan pelaburan dan tingkah laku pasaran.
- Keperluan dasar awam pelabur untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pemilik.
- Tekanan daripada pesaing yang mahu membezakan diri mereka menerusi pelaburan bertanggungjawab.
- Motivasi pelabur, pelanggan dan beneficiari yang beretika.

**“AXA adalah pelabur global berjangka panjang yang mempunyai tanggungjawab untuk bertindak demi kepentingan pemegang sahamnya, ini bermaksud memahami risiko dan peluang yang berkaitan dengan isu ESG dalam portfolio kami. Kami percaya bahawa faktor ini mempunyai potensi untuk memberi impak ke atas portfolio pelaburan dari masa ke semasa, oleh itu memberi kesan ke atas risiko dan pulangan. Hanya tindakan kolektif boleh menghasilkan perubahan yang bermakna. Sebab inilah kami berbesar hati untuk menandatangani Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh PBB.”**

**Henri de Castries**  
CEO & Penggerusi, AXA

# MELAKSANAKAN ENAM PRINSIP

Prinsip ini adalah bersifat kesukarelawanan dan aspirirasi: ia menawarkan menu tindakan-tindakan yang mungkin untuk menggabungkan isu ESG:

## 1 Kami akan menggabungkan isu ESG dalam analisis pelaburan dan proses membuat keputusan.

### Tindakan yang mungkin:

- Menangani isu ESG dalam pernyataan dasar pelaburan
- Menyokong pembangunan alat, metrik dan analisis berkaitan ESG
- Menilai keupayaan pengurus pelaburan dalam menyerap isu ESG
- Menilai keupayaan pengurus pelaburan luaran menyerap isu ESG
- Meminta pembekal perkhidmatan pelaburan (seperti penganalisis kewangan, perunding, broker, firma penyelidikan, atau syarikat taksiran) untuk mengintegrasikan faktor ESG dalam penyelidikan dan analisis yang sentiasa berubah
- Menggalakkan penyelidikan akademik dan lain-lain dalam tema ini
- Mengajur latihan ESG untuk profesional pelaburan

## 4 Kami akan menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan Prinsip dalam industri pelaburan.

### Tindakan yang mungkin:

- Merangkumi keperluan berkaitan Prinsip dalam permintaan bagi cadangan (RFP)
- Menyelaraskan mandat pelaburan, prosedur pemantauan, petunjuk prestasi dan struktur insentif sewajarnya (sebagai contoh, memastikan proses pengurusan pelaburan mencerminkan pandangan jangka panjang mengikut kesesuaian)
- Menyampaikan jangkaan ESG kepada pembekal perkhidmatan pelaburan
- Mengkaji semula hubungan dengan pembekal perkhidmatan yang gagal memenuhi jangkaan ESG
- Menyokong perkembangan alat untuk menanda aras penyeliduan ESG
- Menyokong pembangunan peraturan atau dasar yang membolehkan pelaksanaan PRI

## 2 Kami akan menjadi pemilik aktif dan menggabungkan isu ESG dengan dasar pemilikan dan amalan kami.

### Tindakan yang mungkin:

- Membangunkan dan mendedahkan dasar pemilikan aktif selaras dengan Prinsip
- Melaksanakan hak mengundi atau memantau pematuhan kepada dasar pengundian (jika penyumberan luar)
- Membangunkan keupayaan penglibatan (sama ada secara langsung atau melalui penyumberan luar)
- Menyertai pembangunan dasar, peraturan dan penetapan piawaian (seperti menggalakkan dan melindungi hak pemegang saham)
- Memfaikkan resolusi pemegang saham yang selaras dengan pertimbangan jangka panjang ESG
- Melibatkan syarikat-syarikat mengenai isu ESG
- Menyertai inisiatif penglibatan gabungan
- Meminta pengurus pelaburan untuk menjalankan dan melaporkan penglibatan berkaitan ESG

## 5 Kami akan bekerjasama untuk mempertingkatkan keberkesanan kami dalam melaksanakan Prinsip tersebut.

### Tindakan yang mungkin:

- Menyokong/menyertai platform rangkaian maklumat untuk berkongsi alat-alat, sumber-sumber dan menggunakan laporan pelabur sebagai sumber pembelajaran
- Menangani isu baharu yang berkaitan secara kolektif
- Menggunakan pelaporan untuk membangkitkan kesedaran di kalangan kumpulan pihak pemegang saham yang lebih luas

## 3 Kami akan mendapatkan pendedahan yang sewajarnya mengenai isu ESG daripada entiti di mana kami melabur.

### Tindakan yang mungkin:

- Meminta laporan yang selaras mengenai isu ESG (dengan menggunakan alat seperti Inisiatif Laporan Global)
- Meminta isu ESG disepadukan dalam laporan kewangan tahunan
- Meminta maklumat daripada syarikat mengenai penggunaan/pematuhan terhadap norma, piawaian, tatakelakuan atau inisiatif antarabangsa yang wajar(seperti Persefahaman Sejagat PBB)
- Menyokong inisiatif dan resolusi pemegang saham yang menggalakkan pendedahan ESG

## 6 Kami semua akan memberi laporan tentang aktiviti dan kemajuan kami dalam pelaksanaan Prinsip tersebut.

### Tindakan yang mungkin:

- Mendedahkan bagaimana isu ESG disepadukan dalam amalan pelaburan
- Mendedahkan aktiviti pemilikan aktif (mengundi, penglibatan dan/atau dialog dasar)
- Mendedahkan apa yang diperlukan oleh pembekal perkhidmatan yang berkaitan dengan Prinsip
- Berkommunikasi dengan penerima mengenai isu ESG dan Prinsip
- Melaporkan tentang perkembangan dan/atau pencapaian yang berkaitan dengan Prinsip menggunakan pendekatan 'Patuh atau Jelaskan'
- Berusaha untuk menentukan kesan Prinsip
- Menggunakan pelaporan untuk membangkitkan kesedaran di kalangan lebih luas kumpulan pihak pemegang saham

"Prinsip ini menjadi platform yang berharga untuk memformalkan dan menumpukan usaha pelaburan bertanggungjawab kami, meningkatkan kesedaran dalam dan menyediakan satu set bahasa umum serta jangkaan yang sama untuk rakan kongsi pelaburan kami, pasukan pengurusan syarikat portfolio kami dan pihak berkepentingan yang lain. Kami memperhatikan nilai daripada berinteraksi dengan dan belajar daripada orang lain yang berkongsi komitmen ini."

George R. Roberts

Pengerusi Bersama dan Pengasas Bersama, Kohlberg Kravis Roberts

# CARA PRI BEKERJASAMA DENGAN PELABUR MENGENAI:

## MENYEPADUKAN ESG DALAM PORTFOLIO PELABURAN MEREKA

PASUKAN	FAKTA DAN ANGKA PENTING
<p>Panduan <b>Sokongan Pelaksanaan</b>, kajian kes dan acara memaklumkan para pelabur bagaimana melaksanakan Prinsip secara sistematis pada seluruh kelas aset.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ 43,000+ laporan dimuat turun</li> <li>■ 500+ orang berada di acara IS pada tahun 2014</li> <li>■ 1,200+ mendaftar untuk surat berita Sokongan Pelaksanaan</li> </ul>
<p><b>Penglibatan Pelabur</b> membolehkan pelabur mengumpul pengetahuan, sumber dan pengaruh mereka semasa melibatkan diri dengan syarikat-syarikat dan pembuat dasar mengenai isu ESG – termasuk melalui platform Gedung Penjelasan proprietari PRI.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ 500 penandatangan terlibat</li> <li>■ 600 penglibatan dijalankan</li> <li>■ 1,700 syarikat disasarkan</li> </ul>

## KESAN DARIPADA LANDSKAP PELABURAN YANG LEBIH LUAS

PASUKAN	FAKTA DAN ANGKA PENTING
<p>Projek-projek <b>Dasar</b> melibatkan penandatangan, pembuat dasar dan pengawal selia untuk mengenal pasti dan menangani halangan kawal selia untuk pelaburan yang bertanggungjawab.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Tanggungjawab fidusiai</li> <li>■ Pertimbangan jangka panjang</li> <li>■ Keberkesanan peraturan</li> </ul>
<p>Penerbitan dan acara <b>Penyelidikan Akademik</b> memastikan komuniti pelaburan dimaklum akan penyelidikan akademik yang terkini tentang pelaburan bertanggungjawab.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Rangkaian Akademik menghubungkan 2,000+ pelabur dan ahli akademik</li> <li>■ Suku tahunan RI menterjemah dan mentafsir kertas penyelidikan untuk membentangkan penemuan akademik kepada pelabur</li> <li>■ 90% daripada peserta yang hadir di Persidangan Akademik mengatakan bahawa usaha itu akan memberi kesan positif terhadap kerja mereka</li> </ul>

## PERKEMBANGAN LAPORAN DAN PENILAIAN

PASUKAN	FAKTA DAN ANGKA PENTING
<p><b>Laporan dan Penilaian</b> memastikan kebertanggungjawapan PRI dan penandatangannya. Laporan tahunan tentang Kemajuan menunjukkan aktiviti-aktiviti penandatangan secara keseluruhan, menghuraikan penemuan dan membentangkan kajian kes praktikal kerja penandatangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ 900+ pelabur melaporkan diri pada tahun 2014/15</li> <li>■ 100,000+ muat turun untuk Laporan Ketelusan 2013/14</li> <li>■ 250 orang pelabur dalam rundingan umum, 360 dalam laporan rintis, 800+ pelaporan pada tahun pertama report, 800+ reporting in first year</li> </ul>
<p>Setiap penandatangan akan menerima: satu Laporan Ketelusan – rekod awam laporan mereka, yang membolehkan mereka untuk menunjukkan kepada pihak berkepentingan dan orang awam cara mereka menyerapkan isu ESG; Laporan Penilaian – penilaian sulit yang mengukur perkembangan dari tahun ke tahun dan membandingkannya dengan rakan setara mereka.</p>	

# SOKONGAN ANTARABANGSA

PRI menyokong penandatangan dalam usaha menangani cabaran khusus kepada pasaran tempatan melalui rangkaian-rangkaian serantaunya. Setiap rangkaian membantu penandatangan untuk menyelaraskan penglibatan bersama syarikat-syarikat tempatan dan menangani isu pengawalseliaan tempatan. Mereka menganjurkan acara-acara serantau dan menyesuaikan sumber PRI untuk pasaran tempatan.

Pengurus rangkaian yang berdedikasi di setiap kawasan menyediakan penandatangan hubungan yang aktif bersama PRI.



- Amerika Utara
- Amerika Selatan
- UK & Ireland
- Nordik
- Benua Eropah
- Afrika
- Jepun
- Australia
- NZ

“PRI telah menyediakan satu rangka kerja yang sangat baik untuk menstruktur aktiviti pelaburan yang bertanggungjawab dan menawarkan rangkaian yang tidak dapat ditukar ganti. Kami menganggapnya sebagai piawaian global untuk pelaburan yang bertanggungjawab dan kami menggalakkan pengurus luaran untuk menyertainya.”

Niels Erik Petersen  
CIO, Unipension

# PRI IN PERSON

## PRI in Person

Sejak pelaksanaannya, PRI in Person telah membawa bersama:

**240+**

SESI

PENCERAMAH

**3500+**

PESERTA



### 2013 | PERKEMBANGAN APL

Di Cape Town, buat pertama kalinya kami memperkenalkan aplikasi acara PRI yang membolehkan pengguna mencapai rangkaian, memeriksa dan juga mengulas mengenai kemas kini terkini persidangan tersebut.



PRI in Person merupakan satu-satunya persidangan global mengenai pelaburan bertanggungjawab dalam kalender industri yang menyediakan platform untuk penandatangan PRI dan profesional pelaburan untuk belajar, berangkai-rangkai dan bekerjasama selama beberapa hari. Persidangan ini membolehkan para peserta untuk membincangkan isu semasa dan berkongsi pengalaman dari kawasan dan organisasi mereka sendiri bersama rakan dari seluruh dunia. Lebih daripada 3,500 delegasi telah menghadiri persidangan ini sejak PRI in Person sulung yang diadakan di Geneva pada tahun 2007.

Pada tahun 2015, pelabur-pelabur dari seluruh dunia telah berkumpul di Kota London untuk acara pelaburan terbesar. Sila layari laman [www.unpri.org](http://www.unpri.org) untuk maklumat selanjutnya.

Semasa ulang tahun PRI (Principles for Responsible Investment) yang kesepuluh, acara ini akan mengambil tempat di Singapura dari 6hb kepada 8hb September 2016. Acara terkemuka ini akan diadakan di Asia buat kali pertama sejak tahun 2008 beroperasi. Untuk maklumat selanjutnya, sila layari laman [www.unpri.org/Singapore2016](http://www.unpri.org/Singapore2016).

Untuk pihak penaja, persidangan ini menawarkan pelbagai peluang untuk mencapai penonton pelabur global. Untuk maklumat selanjutnya mengenai peluang penajaan, sila layari laman web PRI.



# THE PRI ACADEMY



STANDARD EMAS UNTUK LATIHAN ESG

Akademi PRI menyediakan latihan secara atas talian yang diiktiraf oleh CFA mengenai cara isu ESG memberi kesan kepada prestasi syarikat, nilai pemegang saham dan keputusan pelaburan.

Kursus tersebut mengadungi kandungan daripada pakar antarabangsa, kajian kes sebenar dan hipotetikal serta pemodelan kewangan. Setiap kursus disampaikan secara atas talian.

“Akademi PRI meletakkan kursus yang baik dan membantu kami untuk lebih memahami bagaimana kami boleh menyepadukan isu ESG dalam rangka kerja pelaburan kami.”

Sovereign, New Zealand

Akademi RI merupakan standard emas dan unik di pasaran.”

Pengurusan Aset Global Negara Pertama Kolonial, Australia



Latihan ini berasaskan web sepenuhnya, bermakna anda boleh memulakan dan menyelesaiannya pada bila-bila masa dan di mana yang anda mahu, selagi anda mempunyai akses kepada internet: tiada perjalanan, tiada tekanan, pelepasan gas rumah hijau yang lebih rendah.

Setiap kursus Akademi PRI didatangkan bersama lesen selama satu tahun. Program pembelajaran berstruktur, pemantauan dan penilaian kemajuan diuruskan oleh pasukan sokongan Akademi melalui platform pembelajaran dalam talian.

Kursus akademi tidak memerlukan sebarang kemahiran atau pengetahuan sedia ada, walaupun calon-calon ingin menyertai kursus Analisis Kewangan Lanjutan akan mendapat yang terbaik daripadanya jika mereka mempunyai pengalaman dalam analisis kewangan dan pelaburan bertanggungjawab.

## BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR

- Untuk mendaftar sila lawati laman web kami di [www.priacademy.org](http://www.priacademy.org)
- Untuk pendaftaran berkumpulan sila e-mel kami di [priacademy@unpri.org](mailto:priacademy@unpri.org)

## KURSUS

Akademi PRI menawarkan tiga kursus:

### ASAS RI

Asas Pelaburan Bertanggungjawab adalah kursus latihan selama dua jam yang direka khas untuk profesional dari semua spektrum perniagaan yang mahukan pandangan mengenai pelaburan bertanggungjawab. Kursus ini menyampaikan kes perniagaan untuk pelaburan bertanggungjawab dan memperkenalkan idea baharu kepada pendekatan pelaburan tradisional.

### KEPERLUAN RI

Asas Pelaburan Bertanggungjawab adalah kursus 12-14 jam yang memberi tumpuan kepada mengenal pasti dan melaksanakan faktor ESG dalam membuat keputusan pelaburan. Kaedah ini menggunakan kajian kes untuk menggambarkan kepentingan isu ESG dalam perniagaan, memperkenalkan strategi untuk mengenal pasti dan menguruskan pendekatan baharu kepada risiko ESG dan menunjukkan kaedah untuk menyepadukan data kelestarian dalam pemodelan kewangan.

### ANALISIS KEWANGAN DIPERTINGKATKAN

Analisis Kewangan Dipertingkatkan merupakan kursus lanjutan selama 6-8 jam. Kursus ini meneroka dan mengkaji penggunaan data kemampunan dalam analisis pelaburan asas dan penilaian saham. Kursus ini mengenal pasti isu ESG kritikal yang berkaitan dengan kemampunan prestasi, penjana nilai utama dan hasil kewangan secara keseluruhan.



## RAKAN KONGSI PBB KAMI

### Inisiatif Kewangan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP FI)

UNEP FI adalah perkongsian unik di antara Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) dan sektor kewangan global. UNEP FI bekerja rapat dengan lebih daripada 200 institusi kewangan yang menandatangani Penyata UNEP FI mengenai Pembangunan Mapan dan pelbagai organisasi rakan kongsi, untuk membangunkan dan menggalakkan hubungan antara kemapanan dan prestasi kewangan. Melalui rangkaian, penyelidikan dan latihan, UNEP FI menerajui misinya untuk mengenal pasti, menggalakkan dan mendapatkan kaedah pelaksanaan amalan alam sekitar dan kemapanan terbaik di semua peringkat operasi institusi kewangannya.

Maklumat lanjut: [www.unepfi.org](http://www.unepfi.org)



### Persefahaman Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Dilancarkan pada tahun 2000, Persefahaman Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan platform dasar dan rangka kerja praktikal untuk syarikat yang komited terhadap kemapanan dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Sebagai inisiatif kepimpinan pelbagai pihak berkepentingan, ia bertujuan untuk menyelaraskan operasi dan strategi perniagaan dengan sepuluh prinsip yang diterima secara sejahtera dalam bidang hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan anti-rasauh serta untuk menjadi pemangkin kepada tindakan bagi menyokong matlamat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang lebih luas. Dengan 7,000 penandatangan korporat di 135 buah negara, ini merupakan inisiatif kemapanan korporat secara sukarela yang terbesar di dunia.

Maklumat lanjut: [www.unglobalcompact.org](http://www.unglobalcompact.org)



## MAKLUMAT HUBUNGAN KAMI

### PRI Association

5th Floor, 25 Camperdown Street,  
London E1 8DZ, United Kingdom

T: +44 (0)20 3714 3220

### PRI Association (Hong Kong) Limited

Room 3, 11/F, 244 – 248 Des Voeux  
Road Central, Sheung Wan, Hong Kong

T: +852 3897 9699

### PRI US, Inc.

45 Rockefeller Plaza, Suite 2000,  
New York, NY 10111

T: +212 332 3437

### PRI Association France SARL

44-46 Rue de la Bienfaisance,  
75008 Paris, France

T: +33 (0)1 87 16 40 34